

(b) Kaedah Kuantiti Hampir (*Approximate Quantity*)

- (i) Kaedah ini menggunakan kuantiti hampir sesuatu kerja untuk mendapatkan anggaran kos awalan. Kuantiti hampir bagi kerja diperolehi melalui pengukuran sementara daripada reka bentuk permulaan dan pelan susun atur tapak bina. Pengukuran kuantiti tidak perlu diukur secara terperinci seperti yang dilakukan bagi penyediaan senarai kuantiti (rujuk bab 5). Pengiraan bagi kerja diringkaskan dengan mengumpul kerja dalam butiran komposit, misalnya dinding bata termasuk kerja melepai dan mengecat.
- (ii) Kuantiti hampir bagi kerja didarabkan dengan harga seunit untuk mendapatkan anggaran. Harga seunit yang digunakan boleh juga diperolehi dengan mencampurkan kadar-kadar harga yang terdapat dalam jadual kadar harga piawai iaitu Jadual Kadar Harga bagi Kerja-kerja Bangunan yang disediakan oleh Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, bagi butir-butir yang terkandung dalam butiran komposit, atau dari kos data projek-projek yang telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, hanya kontrak yang berdasarkan senarai kuantiti sahaja dapat mengadakan data kos harga seunit bagi maksud ini. Sekiranya harga seunit bagi kerja yang serupa tidak boleh dikira berdasarkan kadar-kadar harga dalam jadual kadar harga piawai atau data kos projek-projek yang telah dilaksanakan, harga seunit hendaklah dikira melalui analisis ke atas kos kerja tersebut di pasaran.

4.2.4 Penggunaan kaedah yang diuraikan di perenggan 4.2.1. adalah bergantung kepada maklumat reka bentuk yang diperolehi sewaktu anggaran kos awalan disediakan. Walaupun kaedah kuantiti hampir memberikan anggaran kos yang munasabah, kaedah ini memerlukan maklumat reka bentuk yang lebih lengkap termasuk jadual kemasan untuk membolehkan anggaran disediakan dengan lebih terperinci. Lazimnya kaedah unit hasil terakhir digunakan untuk mendapatkan anggaran kasar, dan apabila reka bentuk dapat dibangunkan dengan terperinci (dan lebih maklumat reka bentuk diperolehi), maka kaedah kuantiti hampir digunakan untuk menyemak dan mengesahkan atau mengkaji semula anggaran